

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 27, 2020 8:51 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Cabaran Lebih Satu Jam Berbaloi Lahir Sintok King Chef



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 FEBRUARI 2020 / 3 REJAB 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

CABARAN LEBIH SATU JAM BERBALOI LAHIR SINTOK KING CHEF



UUM ONLINE: Cabaran untuk menyediakan lebih dua hidangan masakan tradisional Melayu dalam tempoh 1 jam 30 minit tidak sia-sia apabila pasukan dari Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dinobatkan sebagai juara Sintok King Chef pada tahun ini.

Juara, Mohd Akmal Jaafar dan Izzatual Athirah Ismail membawa pulang hadiah wang tunai RM700 berserta plak yang disampaikan isteri Naib Canselor, Datin Noridah Bachik sempena Karnival 3K di Dataran Budaya, semalam.

Mohd Akmal berkata, dia tidak jangka untuk bergelar juara masakan bersama pasangannya memandangkan Sintok King Chef merupakan pertandingan masakan pertama yang diwakilinya berbanding Izzatual Athirah yang lebih berpengalaman.

"Bayangkan dalam tempoh 1 jam 30 minit ini, kami perlu menyediakan empat menu tradisional Melayu iaitu nasi serai dengan ayam masak ros, kerabu belimbing buluh dan pencuci mulut, pulut dakap bunga telang. Kecekapan menguruskan masa untuk menyiapkan kesemua masakan ini adalah kunci kejayaan kami.

“Idea untuk menghasilkan masakan ini adalah selepas melakukan perbincangan secara bersama dengan rakan-rakan sekerja dan berkat kerja keras ini akhirnya membuahkan hasil yang tidak diduga,” katanya yang merupakan pensyarah Hospitaliti di UniSHAMS.

Selain pasukan dari UniSHAMS 2 yang merangkul gelaran juara, Sintok King Chef turut menobatkan pasukan Aweks Cun dari UUM di tempat kedua dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM500 berserta piala, diikuti tempat ketiga jatuh kepada pasukan UPSI A yang membawa pulang hadiah wang tunai RM400 berserta piala.

Sementara itu, ketua juri, Mohd Faizal Mehad berkata, penilaian dibuat berdasarkan rasa masakan, kreativiti dan kebersihan.

“Pasukan UniSHAMS 2 menjadi pemenang disebabkan kreativiti yang ditonjolkan dan menu yang dipersembahkan adalah sangat bersesuaian dengan konsep pilihan mereka.

“Saya berharap program sebegini dapat dianjurkan lagi dan mempunyai beberapa kategori spesifik supaya dapat menarik lebih banyak penyertaan,” katanya.

Manakala Pengarah PBS, Asmawiza Hussin berkata, Sintok King Chef merupakan salah satu aktiviti dalam Karnival 3K yang diadakan sempena Hari Pengasasan UUM Ke-36.

Menurutnya, sambutan yang diterima tahun ini amat membanggakan kerana turut mendapat penyertaan dari IPT di Perak, selain kawasan terdekat termasuk peringkat sekolah.

Program anjuran bersama Majlis Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan (MKSK) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu telah mencungkil bakat terpendam dalam diri peserta untuk menghasilkan masakan tradisional Melayu dan aneka jenis masakan lain.

Turut diadakan demonstrasi masakan menggunakan peralatan memasak jenama Cuckoo dan hiasan kek oleh Datin Noridah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.